

Jangan gadai kesihatan anak



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

ini, apakah lagi dilaporkan demam campak sudah meragut dua nyawa pada tahun lalu yang secara keseluruhannya merekodkan 1,318 kes.

Ironinya demam campak antara penyakit cegahan vaksin yang sangat mudah berjangkit iaitu virus penyakit ini dikatakan boleh berjangkit melalui udara dan sentuhan langsung kepada titisan cecair. Perlu diingat walaupun secara lazimnya demam campak boleh pulih sendiri tetapi risiko komplikasi akan meningkat jika kanak-kanak tidak menerima imunisasi.

Menurut ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, punca peningkatan kes demam campak kerana kanak-kanak tidak mendapatkan imunisasi dengan anggaran 61 peratus dalam kalangan kes pada tahun lalu tidak mendapat imunisasi.

Ibu bapa yang bersikap seperti itu boleh mengancam kesihatan dan nyawa kanak-kanak yang tidak berdosa. Walaupun pelbagai kempen dilaksanakan serta sesi penjelasan dibuat, sikap ibu bapa ini tetap tidak berubah. Ini terbukti apabila mengikut rekod bilangan kes yang menolak vaksin dalam kalangan ibu bapa meningkat daripada 470 kes pada 2013 kepada 1,292 kes pada 2014.

Mengikut Jabatan Kesihatan Pahang misalnya, masih ada ibu bapa di negeri itu enggan memberikan anak mereka diberikan imunisasi. Berdasarkan statistik pada 2014, 84 kes tolak imunisasi sebelum meningkat kepada 126 kes pada tahun lalu manakala sehingga Mei tahun ini sudah ada 88 kes penolakan imunisasi.

Akibatnya negara menyaksikan peningkatan pelbagai penyakit berjangkit cegahan vaksin seperti demam campak dan difteria. Dilaporkan kes demam campak meningkat di seluruh negara dengan 873 kes sepanjang Januari hingga Jun tahun ini berbanding hanya 197 kes untuk tempoh yang sama tahun lalu. Ini menunjukkan berlaku peningkatan yang sangat mendadak iaitu 340 peratus. Kita sewajarnya risau dengan statistik yang menakutkan

Malah, kita juga percaya

FAKTA

Penyakit berjangkit cegahan vaksin seperti demam campak dan difteria meningkat

golongan yang menolak atau antivaksin ini mungkin berpunca daripada mendengar hujah agama daripada kelompok individu yang tiada kepakaran dan ilmu yang mendalam dalam bidang perubatan.

Hakikatnya vaksin kaedah pencegahan yang sudah diiktiraf dan diguna pakai di semua tempat, termasuk ribuan doktor Muslim dan umat Islam di seluruh dunia.

Justeru mana mungkin ia haram dan tidak wajar sama sekali kita meragui statusnya seperti ini. Malah, dalam hal ini kita wajar memberi perhatian terhadap pandangan dan juga syor beberapa orang Mufti dalam kes suntikan vaksin ini.

Misalnya, menurut Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri, vaksin wajib diambil

demi memastikan kesihatan ummah berada dalam keadaan yang baik dan terkawal kerana penularan penyakit boleh dielakkan menerusi pengambilan kebersihan atau kesihatan sehingga jatuh sakit umpama menzalimi diri sendiri. Dan kita juga tidak wajar membuat andaian secara terburu-buru kerana boleh menimbulkan situasi darurat, namun sekiranya keadaan yang dihadapi tidak begitu serius atau tidak berbahaya, hukumnya harus.

Tambah beliau, masyarakat tidak mempunyai hak untuk menentukan 'boleh' atau 'tidak boleh' dalam sesuatu perkara yang bukan kepakaran mereka dan pengkaji vaksin lebih mengetahui mengenai bahan yang perlu digunakan dalam memastikan hasilnya lebih berkesan untuk mematikan virus sesuatu penyakit.

Mufti Perak Tan Sri Dr

Harussani Zakaria pula berkata, Islam meminta umatnya bertanggungjawab menjaga diri sendiri sebaik mungkin kerana pengabaian kebersihan atau kesihatan sehingga jatuh sakit umpama menzalimi diri sendiri. Dan kita juga tidak wajar membuat andaian secara terburu-buru kerana boleh menimbulkan fitnah serta keraguan dalam masyarakat.

Maka jelas di sini golongan yang antivaksin ini sebenarnya keliru dengan status kandungan dan juga hukum menyuntik vaksin kerana mungkin mereka tidak ada pengetahuan yang mendalam ataupun tidak mendapat penjelasan yang sewajarnya.

Kita berharap orang ramai akan berlapang dada menerima suntikan vaksin mahupun imunisasi ini

sebagai satu langkah pencegahan yang terbaik untuk mengelak apa juar masalah kesihatan, terutama penyakit berjangkit yang boleh memudaratkan anak mereka. Janganlah kita mudah terpedaya dengan fatwa mahupun hujah palsu mahupun meragukan sehingga memperjudikan dan meletakkan nyawa anak kita dalam bahaya.

Ketika penyakit berjangkit mula tersebar baik di negara kita mahupun di seluruh dunia tambahan dengan kemasukan ramai pekerja asing ke negara kita yang juga dikhawatir menyumbang kepada peningkatan pelbagai penyakit berjangkit, eloklah berhati-hati, berwaspada dan mencegah daripada awal lagi.

Dalam hal ini penulis bersetuju dan menyokong penuh cadangan beberapa

pihak agar kerajaan mewajibkan pengambilan suntikan vaksin sebagai syarat kemasukan ke taman asuhan kanak-kanak (Taska) dan taman didikan kanak-kanak (Tadika) bagi mengurangkan risiko jangkitan penyakit.

Di samping itu kita berharap program dilipatgandakan supaya kita dapat terus meningkatkan tahap kesedaran dalam masyarakat berhubung kepentingan pengambilan vaksin.

Yakinlah dengan kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan demi kesihatan anak kita. Hakikatnya kita perlu melihat suntikan vaksin sebagai hak kepada kanak-kanak bagi mendapat kesihatan lebih baik dan ibu bapa perlu memahami keadaan ini.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM